# PENGENALAN & OBJEKTIF

1. Kerajaan Malaysia telah bersedia untuk membuka semua ekonomi negara dengan membenarkan industri dan aktiviti perniagaan untuk beroperasi mulai 4 Mei 2020.

2. Sebagai langkah persediaan dan juga demi melindungi rakyat Sarawak, Kerajaan Negeri telah menyediakan Garis Panduan (SOP) yang disesuaikan untuk keadaan di Sarawak. Penerimapakaian SOP ini juga bersempena dengan pengumuman bahawa sebahagian industri dan aktiviti perniagaan di Sarawak akan dibenarkan beroperasi mulai 10hb Mei 2020.

3. Kebenaran beroperasi ini tertakluk kepada persediaan dan langkah-langkah yang diambil oleh perniagaan untuk memastikan pematuhan kepada Garis Panduan (SOP) yang telah ditetapkan di dalam dokumen ini.

4. SOP yang disediakan adalah untuk memastikan aspek kesihatan diutamakan dan terjamin dalam persekitaran di mana penularan wabak Covid-19 masih merupakan ancaman yang benar. SOP ini berhasrat untuk mengurangkan risiko kesihatan kepada orang awam dan di premis perniagaan, sekaligus mengelakkan perkhidmatan kesihatan di Negeri Sarawak dibebani sehingga tahap yang luar kawalan.

5. Melainkan sektor-sektor yang dinyatakan dalam **Senarai Aktiviti Yang Dilarang**, **kesemua sektor perniagaan yang lain dibenarkan untuk dibuka semula dan beroperasi berdasarkan SOP** yang diluluskan oleh pihak **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (SDMC) Sarawak untuk digunapakai**.

6. Kewajipan dan syarat sektor-sektor untuk mematuhi SOP terkandung di dalam "**Protection Of Public Health (**Measures on the Carrying Out of Activities In Infected Local Areas) Order 2020" di bawah **PROTECTION OF PUBLIC HEALTH ORDINANCE 1999** yang berkuatkuasa pada **4 Mei 2020 sehingga 12 Mei 2020**. Arahan ini hendaklah dibaca bersama **Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.5) 2020 [P.U(A) 136/2020**]. Mana-mana orang perseorangan yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti atau perniagaan yang tidak dilarang di bawah peraturan-peraturan ini perlu mengemukakan **notifikasi** kepada **SDMC** untuk perhatian **Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB)** di Bahagian (Division) mana sektor perniagaan atau industri merancang untuk beroperasi dengan maklumat yang diperlukan seperti di **SCHEDULE (Paragraph 3) .**

7. Kegagalan untuk mematuhi SOP boleh membawa kepada tindakan undang-undang, penarikan balik kebenaran beroperasi atau apa-apa tindakan yang berkaitan. Pihak **JPBB** dengan kerjasama antara PDRM dan lain-lain badan penguatkuasa akan membuat pemantauan dan penguatkuasaan dalam usaha memastikan SOP dipatuhi. Perniagaan diingatkan untuk sentiasa berhubung dengan badan Kerajaan seliaan yang bertanggungjawab untuk sebarang perkembangan terkini.

THE
SARAWAK GOVERNMENT GAZETTE
PART II
Published by Authority

Vol. LXXV 4th May, 2020 No. 25

Swk. L. N. 152

PROTECTION OF PUBLIC HEALTH ORDINANCE, 1999

PROTECTION OF PUBLIC HEALTH (MEASURES ON THE CARRYING OUT OF ACTIVITIES IN INFECTED LOCAL AREAS) ORDER, 2020

(Made under section 15)

In exercise of the powers conferred by section 15 of the Protection of Public Health Ordinance, 1999 *[Cap. 30]*, the Minister has made the following Order:

**Citation and Commencement**

1.—(1) This Order may be cited as the **Protection of Public Health (Measures On The Carrying Out Of Activities In Infected Local Areas) Order, 2020**.

(2) This Order shall come into force from 4th day of May, 2020 until 12th day of May, 2020, and shall be read together with the Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 5) Regulations 2020 *[P.U. (A) 136]*.



**Interpretation**

2. In this Order—

"Director" means "Director" as defined under the Protection of Public Health Ordinance, 1999 *[Cap. 30]*;

"infected local area" means any area declared to be an infected local area under the Prevention and Control of Infectious Diseases (Declaration of Infected Local Areas) Order 2020; and

"Regulations" means the Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 5) Regulations 2020 *[P.U. (A) 136]*.

**Measures for carrying out of activities**

3. Any person carrying out or intending to carry out any activity not prohibited under the Regulations shall comply with the measures listed under the Schedule.

**Director may issue directions, *etc*.**

4. The Director may from time to time, with the approval of the Minister issue any direction in any manner, whether generally or specifically to any person or group of persons, necessary for carrying out the provisions of this Order.

**Offence**

5. Any person who contravenes any provision of this Order or any direction made hereunder commits an offence.

*SCHEDULE*

(Paragraph 3)

**Measures to be complied with**

1. Any person carrying out or intending to carry out any activity not prohibited under the Regulations shall:

(*a*) notify the State Disaster Management Committee in writing of their intention to do so. The notice shall contain the following particulars:

(i) the name of the person or firm or company;

(ii) address at which the activity is to be carried out;

(iii) the general nature of the activity; and

(iv) plan of action taken to protect public health and to prevent spread of the disease.



The notice shall be addressed to:

Chairman,
State Disaster Management Committee,
1st Floor, Wisma Bapa Malaysia,
93502 Petra Jaya,
Kuching, Sarawak
Email : jpbn@sarawak.gov.my
Fax No: 082-442730

(*b*) comply with all applicable state laws; and

(*c*) comply with any guidelines or standard operating procedures issued from time to time by the State Disaster Management Committees with the approval of the Minister.

Made this 4th day of May, 2020.

DATO SRI DR. SIM KUI HIAN
*Minister For Local Government And Housing Sarawak*

MLGH/L/181(50)

# NORMA BARU DALAM PERNIAGAAN & KEHIDUPAN

1. SOP ini mengambil kira norma baharu dalam pengendalian perniagaan dan kehidupan harian. Pendekatan yang diambil kerajaan adalah pendekatan seluruh lapisan masyarakat, atau whole of society approach. Kaedah pendekatan ini adalah penting dalam memastikan pembukaan semula ekonomi Sarawak ini dapat dilakukan dengan lancar, selamat dan berkesan.

2. Individu berperanan untuk menjaga diri dan keluarga; Komuniti setempat bertanggungjawab memastikan kesejahteraan dan keselamatan di kalangan jiran-jiran; dan majikan bertanggunjawab memastikan pekerja dan operasi perniagaan mengamalkan tabiat kebersihan yang tinggi di samping mematuhi SOP.

**Norma baru merangkumi perkara-perkara berikut, iaitu:**

**Mengamalkan langkah-langkah kesihatan:**

- Penjarakan sosial (social distancing) sekurang-kurangnya 1 meter, sebaik-baiknya 2 meter dalam semua keadaan
- Memakai face-mask; digalakkan setiap masa, diwajibkan dalam keadaan tertentu

**Menggalakkan amalan kebersihan yang tinggi**

- Kerap mencuci tangan dengan sabun atau hand-sanitizer
- Menyediakan kemudahan ini untuk pekerja dan pelanggan
- Memastikan pembersihan (sanitizing) premis dibuat pada kadar yang kerap dan konsisten, sekurang-kurangnya 2 kali sehari

**Mengamalkan amalan-amalan pencegahan jangkitan:**

- Memastikan terdapat protokol pemantauan penyakit dan pencegahan penularan jangkitan
- Kesemua pekerja diperiksa setiap hari untuk mengenalpasti symptom Covid-19 termasuk pemeriksaan suhu badan
- Di mana penjarakan sosial tidak boleh diamalkan, pekerja mesti menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai
- Melaporkan kepada Jabatan Kesihatan sekiranya terdapat maklumat mengenai jangkitan Covid-19
- Melatih pekerja untuk memantau dan bertindak sekiranya terdapat kes yang disyaki timbul

# NORMA BARU DALAM PERNIAGAAN & KEHIDUPAN

**Menggunakan Sistem Digital Di Dalam Perniagaan**

- Pengenalan pembayaran secara e-tunai melalui SarawakPay, Boost , Fave, Grabpay atau e-dompet lain yang ada
- Menggunakan pertemuan secara temujanji
- Penempahan secara online

**Amalan Merekod Pekerja/Pelanggan (Contact Tracing):**

- Menyediakan daftar rekod pekerja, penghantar bahan, pelawat dan pelanggan di dalam premis
- Merekodkan tempat kedudukan pelanggan
- Tapak niaga sistematik bagi peniaga atau penjaja harian
- CCTV bagi mengenalpasti kedudukan pelanggan

**Mengelakkan sebarang bentuk perhimpunan:**

- Aktiviti sosial melibatkan perhimpunan ramai seperti panggung wayang, stadium bola sepak, dan kelab malam tidak dibenarkan
- Aktiviti sukan berpasukan atau melibatkan sentuhan (contact) tidak dibenarkan
- Majlis kenduri-kendara/ rumah terbuka/ aktiviti perayaan atau keagamaan tidak dibenarkan atau dihadkan dengan ketat
- Semua bentuk aktiviti keramaian di dalam Senarai Aktiviti Dilarang

**Merancang Rekabentuk Premis**

- Merancang premis perniagaan agar mematuhi kapasiti operasi dipatuhi
- Mengurangkan struktur pintu, lif, struktur di premis yang memerlukan operasi secara sentuhan
- Penandaan di Premis Pasar/Tamu
- Pemasangan tempat menunggu yang kondusif di luar premis untuk pelanggan

**Pendidikan dan Kesedaran:**

- Memasang poster peringatan dan kesedaran
- Menggunakan sistem siaraya
- Menyediakan pegawai/pekerja khidmat pelanggan bagi mengurus orang ramai di premis
- Mempromosikan pembelian secara talian dan penghantaran

**Applikasi Teknologi Maklumat:**

- COVIDTrace Sarawak
- Mysejahtera
- MyTrace
- MyGerak

# SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN

**SENARAI AKTIVITI INI TIDAK DIBENARKAN BERDASARKAN JUSTIFIKASI YANG DIKELUARKAN OLEH KKM SEPERTI BERIKUT**

1. SUKAR UNTUK MENGAWAL KEADAAN DI MANA TERDAPAT RAMAI ORANG PADA SATU-SATU MASA
2. KEMUNGKINAN PENDEDAHAN KEPADA DROPLETS
3. SUKAR UNTUK MENGAWAL KEPERILAKUAN
4. KEMUNGKINAN MENJADI KONTAK RAPAT KERANA BERADA DALAM KAWASAN YANG SAMA UNTUK MASA YANG PANJANG (CLOSE CONTINUOUS CONTACT)
5. KEBERADAAN DALAM RUANG RAPAT (CONFINE SPACE) DAN TERTUTUP DALAM TEMPOH YANG LAMA.

**1.Hiburan dan Riadah**

- ❑ Panggung Wayang
- ❑ Pusat Karoake
- ❑ Taman Tema
- ❑ Muzium
- ❑ Busking
- ❑ Pusat Refleksologi
- ❑ Pusat Hiburan
- ❑ Kelab Malam

**2. Perayaan, Perarakan dan Perhimpunan**

- ❑ Perarakan Keagamaan
- ❑ Aktiviti agama berjemaah di Masjid / Rumah Ibadat
- ❑ Sambutan Hari Ulang Tahun Pasukan Pasukan Keselamatan (Perarakan)
- ❑ Sambutan Hari Raya kecuali dengan ahli keluarga terdekat
- ❑ Sambutan Gawai Dayak kecuali dengan ahli keluarga terdekat
- ❑ Perhimpunan bulanan Jabatan Kerajaan dan Swasta
- ❑ Majlis Perasmian

**3. Persidangan dan Pameran**

- ❑ Pameran Kerjaya
- ❑ Pameran Perkahwinan
- ❑ Promosi dan Pakej Pelancongan
- ❑ Karnival Jualan
- ❑ Semua jenis Persidangan yang melibatkan kumpulan yang ramai

# SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN

**4. Pendidikan**

- ❑ Semua sekolah (rendah/menengah) dan IPTA/IPTS kekal ditutup sehingga Dimaklum kelak
- ❑ Sukan semasa sesi persekolahan
- ❑ Aktiviti kokurikulum bersemuka
- ❑ Sebarang bentuk perhimpunan sekolah
- ❑ Sebarang bentuk majlis atau program yang mengumpulkan lebih daripada 10 orang

**5. Sukan**

- ❑ Pertandingan sukan yang melibatkan perhimpunan penyokong / penonton yang ramai (stadium)
- ❑ Acara berkumpulan diluar (outdoor) yang melebihi 10 orang contoh larian, kayuhan basikal, konvoi motosikal dan sebagainya
- ❑ Segala aktiviti sukan dalaman (indoor sports including gymnasiums)
- ❑ Kolam renang
- ❑ Sukan bersentuhan (Contact Sports) contoh ragbi, gusti, boxing, bola sepak, bola keranjang

**6.Aktiviti Sosial**

- ❑ Kenduri – kendara
- ❑ Majlis Berbuka Puasa
- ❑ Majlis perkahwinan dan sambutan ulang tahun atau sebagainya
- ❑ Rumah Terbuka
- ❑ Majlis-Majlis Sosial, kemasyarakatan & budaya (i.e ceramah, gotong royong lawatan dan seumpamanya

**7.Pengangkutan**

- ❑ Kapal Persiaran

**8.Perniagaan Berpremis / Penjajaan Tanpa Premis / Pasar Berbangunan / Pasar Tanpa Premis / Peruncitan / Serbaneka Makanan & Minuman**

- ❑ Bilangan pelanggan yang terlalu ramai pada satu-satu masa (tertakluk kepada pengiraan radius jarak minimum 1m)
- ❑ Bazar Ramadan
- ❑ Bazar Hari Raya
- ❑ Karnival Jualan
- ❑ Bazar Gawai

**9.Kemudahan penginapan berpusat pekerja (CLQ)/ hostel/ asrama pekerja di sektor pembuatan dan lain-lain sektor**

- ❑ Terima pelawat
- ❑ Bersosial dan bersukan secara berkumpulan
- ❑ Solat berjemaah/Aktiviti aktiviti ibadah lain

**10. Pemasangan dan penyenggaraan jentera (lif, eskalator, dandang dan lain-lain) bagi sektor perkhidmatan/ tower crane di tapak bina**

- ❑ Menjalankan kerja secara berkumpulan lebih dari 10 orang

**11. Kedai Pakaian Dan Aksesori Fesyen**

- ❑ Aktiviti Fitting Pakaian

**12. Dobi ( khusus dobi layan diri)**

- ❑ Aktiviti melipat pakaian

**13. Ceramah/Seminar/Kursus/Latihan secara bersemuka**

**14.Aktiviti Pensijilan Bagi Agrikomoditi**

# SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN

**15.Kedai gunting rambut dan salun kecantikan**

**16.Perbankan dan Perkhidmatan Kewangan**

- ❑ Urus niaga mendapatkan jualan (sales and marketing activities) di luar premis institusi kewangan, atau kawasan awam, tidak dibenarkan buat masa ini sehingga di umumkan kelak

**17.Pengurusan Perhutanan**

- ❑ Ekopelancongan Hutan
- ❑Latihan Perhutanan

**18. Perlombongan Dan Pengkuarian**

- ❑Permohonan baharu bagi Peperiksaan Teori & Amali Pembedil (Peletupan)

**19. Perladangan dan Pertanian**

- ❑ Hari Bertemu Pelanggan
- ❑ Hari Jualan Barang Bekalan Ladang (BBL)
- ❑ Pesta makan buah-buahan
- ❑ Kursus/ Seminar
- ❑Konvokesyen Institut Pertanian
- ❑ Lelongan jualan produk ternakan seperti ayam, telur, daging dan sebagainya

**20. Perikanan**

- ❑ Aktiviti perikanan rekreasi
- ❑ Pusat Taman Laut, pameran dan aquarium

**21. Seni Kreatif**

- ❑ Penggambaran filem
- ❑ Acara/Konsert/Program yang melibatkan orang awam di studio atau tempat awam

**22. Kebudayaan Dan Kesenian**

- ❑ Pameran Yang Melibatkan Interaksi Antara Pekarya Dan Pelawat

**23. Pelancongan dan Perhotelan**

- ❑ Penggunaan Fasiliti Hotel Seperti Surau, Gimnasium, Spa, Sauna, Lounge, Kolam Renang, Bilik Mesyuarat, Dewan Seminar, Bilik Latihan, Restoran dan Café (Bagi Tujuan Buffet)

**Nota**: Senarai Aktiviti setakat **7 Mei 2020** dan jenis aktiviti akan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.
**Sumber**: https://www.pmo.gov.my/2020/05/sop-pembukaan-semula-sektor-ekonomi/

# MAKANAN [Berpremis/Peruncitan/Serbaneka]

| Kategori | Waktu Dibenarkan | Waktu Operasi | Kapasiti (%) |
|---|---|---|---|
| Restoran, Medan Selera/Pusat Penjaja, Gerai Makan Tepi Jalan (Berbumbung)/Kiosk | 5 pagi – 12 malam | 7 pagi – 10 malam | 100 |
| Pasar Raya Mini, Kedai Runcit, Kedai Serbaneka | 7 pagi – 9 malam | 8 pagi – 8 malam | |

**BERPREMIS**

1. Restoran
2. Medan Selera/Pusat Penjaja
3. Gerai Makan Tepi Jalan (Berbumbung)/ Kiosk

**PERUNCITAN SERBANEKA**

1. Pasar Raya Mini
2. Kedai Runcit
3. Kedai Serbaneka

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

1. Tertakluk kepada peraturan JPBN dari masa ke semasa
2. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa

## Aktiviti & Protokol Am

| | |
|---|---|
| Suhu badan pekerja | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja |
| Kawalan pelanggan dan penjarakan sosial | Premis perlu menyatakan dengan jelas bilangan pelanggan yang dibenarkan pada satu-satu masa untuk memenuhi keperluan penjarakan sosial |
| Perkhidmatan | Digalakkan menggunakan pembayaran secara elektronik |
| Topeng muka dan sanitasi tangan | i. Menggalakkan penggunaan topeng muka<br>ii. Mewajibkan penggunaan hand sanitiser berasaskan alkohol, atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun |
| Pembersihan dan sanitasi | i. Menggalakkan penggunaan peralatan makan *biodegradable* (pakai-buang)<br>ii. Menggunakan cecair pencuci dengan kandungan *sodium* hypochlorite mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) |

## Aktiviti & Protokol Khusus

**Medan Selera/Pusat Penjaja**:

- Susun atur meja, dengan jarak 2 meter antara meja bagi membolehkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter

**Pasar Raya Mini, Kedai Runcit, Kedai Serbaneka:**

- Penggunaan penanda di lantai, terutamanya di kawasan sesak seperti di kaunter pembayaran, bagi memastikan jarak 1 meter

**Restoran**

- Setiap meja dimuatkan tidak melebihi 4 orang semeja
- Susun atur meja, dengan jarak 2 meter antara meja bagi membolehkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter

# PELAN LANTAI RESTORAN/KEDAI MAKAN



# MAKANAN [Pasar Berbangunan & Pasar Tanpa Premis

| Kategori | Waktu Dibenarkan | Waktu Operasi | Kapasiti (%) |
|---|---|---|---|
| Pasar Awam Berbumbung | 5 pagi – 7 petang | 6 pagi – 6 petang | 100 |
| Pasar segar terkawal | 6 pagi – 12 tengahari | 7 pagi – 11 pagi | 100 |
| Kenderaan saji, penjaja beredar, penjaja tepi jalan (sementara) | 5 pagi – 12 malam | 7 pagi – 10 malam | 100 |

1. Pasar Awam Berbumbung

**Tanpa Premis**

1. Pasar Segar Terkawal (Tanpa Premis)
2. Kenderaan Saji (FoodTruck)
3. Penjaja Beredar
4. Penjaja Tepi Jalan (Sementara)

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

1. Tertakluk kepada peraturan JPBN dari masa ke semasa
2. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa

## Aktiviti & Protokol Am

| | |
|---|---|
| Suhu badan pekerja | Merekod suhu badan pekerja sebelum mula bekerja |
| Penjarakan sosial | Memastikan keperluan penjarakan sosial dipatuhi (1meter) |
| Topeng muka dan sanitasi tangan | i. Mewajibkan penggunaan topeng muka<br>ii. Sanitasi tangan adalah diwajibkan ataupun kawasan mencuci tangan disediakan dengan sabun |
| Pembersihan dan sanitasi | i. Menggalakkan penggunaan peralatan makan pakai-buang<br>ii. Menggunakan cecair pencuci dengan kandungan *sodium* hypochlorite mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) |

## Aktiviti & Protokol Khusus

| | |
|---|---|
| **Pasar Awam Berbumbung**: Saringan Kesihatan<br>Membuat saringan kesihatan (suhu badan, Riwayat kontek dengan pesakit COVID) untuk semua pekerja tempatan & asing berpermit | **Pasar Segar Terkawal**: Jarak antara meja/gerai 2 meter |

# PERUNCITAN

| Kategori | Waktu Dibenarkan | Waktu Operasi | Kapasiti (%) |
|---|---|---|---|
| **Kedai perabot/emas/Elektrik/Elektronik, Bku & Alat Tulis Hardware, Makanan Haiwan, Cermin Mata & Optik** | 9 pagi – 9 malam | 10 pagi – 8 malam | 100 |
| **Bengkel Kenderaan, Penyelengaraan & Alat Ganti** | 7 pagi – 10 malam | 8 pagi – 9 malam | 100 |

1. Kedai perabot
2. Kedai emas
3. Kedai elektrik dan elektronik
4. Kedai buku & alat tulis
5. Kedai hardware
6. Makanan haiwan
7. Kedai Cermin Mata & Optik
8. Bengkel Kenderaan, Penyelengaraan & Alat Ganti

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

1. Tertakluk kepada peraturan JPBN dari masa ke semasa
2. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa

| | |
|---|---|
| Kebersihan premis | Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi. |
| Penggunaan hand sanitiser | Hand sanitiser disediakan di pintu masuk dan diwajibkan penggunaannya kepada kakitangan, pembekal dan pelanggan |
| Penjarakan sosial | i. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa berada di premis; dan<br>ii. Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu-satu masa. |
| Pemakaian face mask | Menggalakkan pekerja dan pelanggan memakai face mask semasa berada di dalam premis |
| Mengambil dan merekod suhu badan | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja serta mengambil suhu badan pelanggan |
| Transaksi tanpa sentuhan | Digalakkan membuat bayaran secara elektronik |

# PERUNCITAN

| Kategori | Waktu Dibenarkan | Waktu Operasi | Kapasiti (%) |
|---|---|---|---|
| Kompleks membeli-belah, pasaraya/pasaraya besar, departmental store, farmasi/penjagaan diri, butik/kedai pakaian<br>Kedai serbaneka/mini mart | 8 pagi – 11 malam | 10 pagi – 10 malam | 100 |

1. Kompleks membeli belah
2. Pasaraya/pasaraya besar
3. Departmental store
4. Farmasi/penjagaan diri
5. Butik/ kedai pakaian
6. Kedai serbaneka/mini mart

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

1. Tertakluk kepada arahan JPBN dari masa ke semasa
2. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa

| | |
|---|---|
| Kebersihan premis | i. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan selepas operasi; dan<br>ii. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan umum seperti surau, tandas, stor, pejabat dan kaunter |
| Pengurusan pelanggan | i. Menghad laluan keluar masuk pelanggan ke premis;<br>ii. Meminima kemasukan pelanggan ke dalam premis pada satu-satu masa tertakluk kepada saiz premis; dan<br>iii. Melaksana Program Kesedaran Awam. |
| Saringan kesihatan | Memastikan semua staf, pembekal dan pelanggan melalui proses saringan suhu badan. |
| Penggunaan hand sanitiser | Hand sanitiser disediakan di pintu masuk dan diwajibkan penggunaannya kepada kakitangan, pembekal dan pelanggan |
| Pemakaian face mask | Mewajibkan pemakaian face mask oleh pekerja setiap masa. |
| Pemantauan dan pematuhan | i. Menyelaras dan memantau supaya semua peraturan dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan.<br>ii. Meningkatkan kesedaran tentang kebersihan premis dan pekerja |
| Penjarakan sosial | Memastikan penjarakan sosial 1 meter sepanjang masa. |
| Transaksi tanpa sentuhan | Digalakkan membuat bayaran secara elektronik |

# PERUNCITAN

| Kategori | Waktu Dibenarkan | Waktu Operasi | Kapasiti (%) |
|---|---|---|---|
| Dobi (termasuk layan diri) | 8 pagi – 10 malam | 9 pagi -10 malam | 100 |
| Kedai pakaian dan Aksesori fesyen | | | |

1. Dobi (Termasuk Layan Diri)
2. Kedai pakaian dan Aksesori fesyen

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

| | |
|---|---|
| Kebersihan premis | Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi. |
| Penggunaan hand sanitiser | Hand sanitiser disediakan di pintu masuk dan diwajibkan penggunaannya kepada kakitangan, pembekal dan pelanggan |
| Penjarakan sosial | Memberi tugasan kepada sekurang-kurangnya seorang pekerja untuk:<br>i. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa berada di premis;<br>ii. Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu-satu masa; dan<br>iii. Tiada kemudahan Wi-fi disediakan dalam tempoh PKP |
| Pemakaian face mask | Menggalakkan pelanggan memakai face mask semasa berada di dalam premis |
| Mengambil dan merekod suhu badan | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja |
| Transaksi tanpa sentuhan | Digalakkan membuat bayaran secara elektronik |

1. Tertakluk kepada peraturan JPBN dari masa ke semasa
2. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan dari masa ke semasa

# PERUNCITAN

| Waktu Dibenarkan | Waktu Operasi | Kapasiti (%) |
|---|---|---|
| 7 pagi – 7 malam | 7 pagi – 7 malam | 100 |

*Other Specialty Retail Store*
Stesen minyak

| | |
|---|---|
| Kebersihan premis | Proses nyah kuman di premis dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi dan pump nozzle dinyah kumah secara kerap |
| Penggunaan hand sanitizer | Menggalakkan penggunaan hand sanitizer |
| Penjarakan sosial | i. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa berada di premis; dan<br>ii. Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu-satu masa. |
| Pemakaian face mask | Menggalakkan pekerja dan pelanggan memakai face mask semasa berada di dalam premis |
| Mengambil dan merekod suhu badan | Mengambil dan merekod suhu badan pekerja serta mengambil suhu badan pelanggan |
| Transaksi tanpa sentuhan | Digalakkan membuat bayaran secara elektronik |
| Tindak balas keselamatan | Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani COVID-19 bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes jangkitan COVID-19 |

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

1. Tertakluk kepada arahan JPBN dari masa ke semasa
2. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa

# SEKTOR SUKAN DAN REKREASI

Merangkumi
Sukan Prestasi Tinggi
- Latihan pasukan kebangsaan
- Latihan peringkat negeri

Sukan Massa
- Aktiviti sukan secara individu
- Sukan kecergasan dan rekreasi
- Esports
- Sukan bermotor
- Riadah dan kecergasan ringan

Operasi dan pentadbiran organisasi berkaitan sukan
- Sewaan kemudahan/ fasiliti (terhad)
- Baik pulih, naik taraf dan penyelenggaraan fasiliti

Penganjuran Acara Sukan

SEMUA AKTIVITI DIBENARKAN KECUALI
Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

ARAHAN TETAP
Akta kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) dan lain-lain arahan daripada KKM dan MKN dari semasa ke semasa.
Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
* Untuk semua Zon (Merah, Kuning dan Hijau)

| Waktu Beroperasi | 6.30 pagi – 7.00 petang dan berperingkat | Waktu Kehadiran Pelanggan | 7.30 pagi – 7.00 petang | Kapasiti Pekerja | 100% |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|
| **Penjarakkan Sosial** | |
| 1. Jarak fizikal 1 meter di antara 2 individu | • Memastikan penjarakkan sosial 1 meter pada bila bila masa<br>• Penggunaan kon trafik dan penanda pita lantai sebagai panduan pelanggan/ pengguna di mana bersesuaian. |
| 2. Etika Pengguna | • Aktiviti melibatkan kanak-kanak memerlukan pengawasan rapi ibu bapa / penjaga |
| 3. Bilangan Pengguna | • Menghadkan bilangan pengguna bagi setiap sesi tertakluk kepada kesesuaian tempat dan kawalselia<br>• Pemantauan oleh staf bertugas |
| **Dasar dan Peraturan** | |
| 1. Penggunaan Fasiliti | • Memastikan pematuhan terhadap SOP fasiliti . |
| 2. Polisi dan Komunikasi | • Memastikan notis dan papan tanda dipamerkan dengan jelas |

# SEKTOR SUKAN DAN REKREASI

## Pejabat Persatuan Sukan

Merangkumi
Sukan Prestasi Tinggi
- Latihan pasukan kebangsaan
- Latihan peringkat negeri

Sukan Massa
- Aktiviti sukan secara individu
- Sukan kecergasan dan rekreasi
- Esports
- Sukan bermotor
- Riadah dan kecergasan ringan

Operasi dan pentadbiran organisasi berkaitan sukan
- Sewaan kemudahan/ fasiliti (terhad)
- Baik pulih, naik taraf dan penyelenggaraan fasiliti

Penganjuran Acara Sukan

SEMUA AKTIVITI DIBENARKAN KECUALI
Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

ARAHAN TETAP
Akta kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) dan lain-lain arahan daripada KKM dan MKN dari semasa ke semasa.

Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
* Untuk semua Zon (Merah, Kuning dan Hijau)

| Waktu Beroperasi | 6.30 pagi – 7.00 petang dan berperingkat | Waktu Kehadiran Pelanggan | 7.30 pagi – 7.00 petang | Kapasiti Pekerja | 100% |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | PEMILIK | PERUNCIT | PENGGUNA | PIHAK KERAJAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| **Pengoperasian dan Pentadbiran Organisasi Berkaitan Sukan** | | | | | |
| 1. Operasi dan pentadbiran badan sukan, organisasi, kelab dan syarikat berkaitan sukan | • Membenarkan operasi dan pentadbiran dengan pematuhan SOP semasa<br>• Menggalakkan perancangan pembangunan sukan dan kemaskini perlembagaan badan sukan masing-masing | K | K | P | KS |
| 2. Pendaftaran badan sukan | • Membenarkan pendaftaran baru badan sukan secara online | K | K | P | KS |

* Petunjuk utama: K – Kawal, P – Pelaksana, KS - Kawal Selia

# SEKTOR SUKAN DAN REKREASI

## Pejabat Persatuan Sukan

| Waktu Beroperasi | 6.30 pagi – 7.00 petang dan berperingkat | Waktu Kehadiran Pelanggan | 7.30 pagi – 7.00 petang | Kapasiti Pekerja | 100% |
|---|---|---|---|---|---|

Merangkumi
Sukan Prestasi Tinggi
- Latihan pasukan kebangsaan
- Latihan peringkat negeri

Sukan Massa
- Aktiviti sukan secara individu
- Sukan kecergasan dan rekreasi
- Esports
- Sukan bermotor
- Riadah dan kecergasan ringan

Operasi dan pentadbiran organisasi berkaitan sukan
- Sewaan kemudahan/ fasiliti (terhad)
- Baik pulih, naik taraf dan penyelenggaraan fasiliti

Penganjuran Acara Sukan

SEMUA AKTIVITI DIBENARKAN KECUALI
Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

ARAHAN TETAP
Akta kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342)
dan lain-lain arahan daripada KKM dan MKN dari semasa ke semasa.

Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
* Untuk semua Zon (Merah, Kuning dan Hijau)

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|
| **Kesihatan dan Kebersihan** | |
| 3. Pembasmian & Nyah Kuman Premis | • Proses sanitasi dan pembersihan perlu dilaksanakan tiga (3) kali sehari terutamanya di kawasan umum (common space) seperti: lobi, lif, kafeteria, bilik mesyuarat, surau, bas/ pengangkutan pekerja, pusat rekreasi tertutup, tandas dan tempat pembuangan sampah/ tong sampah..<br>• Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di kilang/ premis setiap kali sebelum syif atau operasi bermula..<br>• Syarikat hendaklah menyediakan hand sanitizer di pintu masuk, semua kawasan umum (common area) dan tempat-tempat lain di dalam kilang/ premis. |
| 4. Penjarakan sosial dan tatacara keselamatan kesihatan pekerja | • Pemakaian face mask oleh setiap pekerja di kawasan umum adalah diwajibkan.<br>• Memastikan garis panduan amalan terbaik sosial/ penjarakkan sosial disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dan dilaksanakan khususnya di:<br>  • kawasan-kawasan seperti production floor, kafeteria/ kantin, bilik mesyuarat, surau, dewan serba guna (multipurpose hall) dan lain-lain yang berkenaan. |
| 5. Protokol pencegahan penyakit dan sekatan | • Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia. |

# SEKTOR: PENGANGKUTAN AWAM DARAT (BAS BERHENTI-HENTI)

| Waktu Dibenarkan | 05:00 pagi – 12:00 tengah malam | Waktu Operasi | 06:00 pagi – 11:00 malam | Kapasiti Pekerja | 100 % |
|---|---|---|---|---|---|

## Merangkumi

- Operasi perkhidmatan bas berhenti-henti (stage bus)
- Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

Akta 342
Pekeliling MKN & KKM
Akta Pengangkutan Jalan 1987
Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Tanggungjawab pengendali terhadap pemandu bas | i. Semua pengendali hendaklah memastikan pemandu bas memakai pelitup muka (*face mask*) sepanjang masa.<br>ii. Pengendali hendaklah memastikan setiap pemandu perlu membuat saringan gejala sebelum memulakan tugas.<br>iii. Menyediakan dan memastikan pemandu sentiasa membuat pengumuman peringatan berkala melalui perakam suara di dalam bas berkaitan penjarakan sosial dan keperluan lain. |
| 2. Memastikan Penjarakan Sosial 1 Meter (*Social Distancing*) | i. Kapasiti penumpang bas dihadkan pada kadar 50% sahaja, mengambil kira arahan penjarakan antara individu sekurang kurangnya pada jarak 1 meter.<br>ii. Semua pengendali menyediakan pelekat pada tempat duduk bagi tujuan penjarakan sosial.<br>iii. Jika pada tempat duduk berdua atau bertiga, maka hanya satu tempat duduk dibenarkan. |
| 3. Pembersihan nyahkuman dan sanitasi | i. Pembersihan nyahkuman bas dan fasiliti selepas setiap trip serta di depo setelah tamat waktu operasi. |
| 4. Menggalakkan penggunaan fasiliti dan transaksi elektronik | i. Menggalakkan pembelian tiket secara *online* dan pengunaan kad transaksi bukan tunai seperti pas bulanan. |
| 5. Pemakaian pelitup muka (*face mask)* | i. Penumpang dan pemandu perlu memakai pelitup muka (*face mask*) sepanjang masa. |
| 6. Penggunaan pembersih tangan (*hand sanitiser)* | i. Menyediakan *hand sanitiser* di dalam bas. Penumpang perlu menggunakan *hand sanitiser* setiap kali naik dan turun bas. |

# SEKTOR: PENGANGKUTAN AWAM DARAT (BAS WILAYAH)

| Waktu Dibenarkan | 24 Jam | Waktu Operasi | 24 Jam | Kapasiti Pekerja | 100 % |
|---|---|---|---|---|---|

## Merangkumi

- Operasi perkhidmatan bas wilayah / antara bahagian (regional bas)
- Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

Akta 342
Pekeliling MKN & KKM
Akta Pengangkutan Jalan 1987
Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Tanggungjawab pengendali terhadap pemandu bas | i. Semua pengendali hendaklah memastikan pemandu bas memakai pelitup muka (*face mask*) sepanjang masa.<br>ii. Pengendali hendaklah memastikan setiap pemandu perlu membuat saringan gejala sebelum memulakan tugas.<br>iii. Menyediakan dan memastikan pemandu sentiasa membuat pengumuman peringatan berkala melalui perakam suara di dalam bas berkaitan penjarakan sosial dan keperluan lain. |
| 2. Memastikan Penjarakan Sosial 1 Meter (*Social Distancing*) | i. Kapasiti penumpang bas dihadkan pada kadar 50% sahaja, mengambil kira arahan penjarakan antara individu sekurang kurangnya pada jarak 1 meter.<br>ii. Semua pengendali menyediakan pelekat pada tempat duduk bagi tujuan penjarakan sosial.<br>iii. Jika pada tempat duduk berdua atau bertiga, maka satu tempat duduk dibenarkan. |
| 3. Pembersihan nyahkuman dan sanitasi | i. Pembersihan nyahkuman kabin bas di setiap perhentian dan di depo setelah tamat waktu operasi. |
| 4. Menggalakkan penggunaan fasiliti dan transaksi elektronik | i. Menggalakkan pembelian tiket secara *online* dan pengunaan kad transaksi bukan tunai. |
| 5. Pemakaian pelitup muka (face mask) | i. Penumpang dan pemandu perlu memakai pelitup muka (face mask) sepanjang masa. |
| 6. Penggunaan *Hand Sanitiser* | i. Menyediakan *hand sanitiser* di dalam bas. Penumpang perlu menggunakan *hand sanitiser* setiap kali naik dan turun bas. |
| 7. Pergerakan penumpang adalah tertakluk kepada kebenaran PDRM | i. Digalakkan memuat turun aplikasi Gerak Malaysia, MySejahtera dan MyTrace. |

# SEKTOR: PENGANGKUTAN AWAM DARAT (KERETA SEWA)

| Waktu Dibenarkan | 05:00 pagi – 12:00 tengah malam | Waktu Operasi | 06:00 pagi – 11:00 malam | Kapasiti Pekerja | 100 % |
|---|---|---|---|---|---|

## Merangkumi

- Operasi perkhidmatan kereta sewa (licensed van)
- Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

Akta 342
Pekeliling MKN & KKM
Akta Pengangkutan Jalan 1987
Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Perkhidmatan kereta sewa | i. Memastikan kapasiti penumpang dihadkan pada kadar 50% sahaja.<br>ii. Penumpang hanya dibenarkan duduk di belakang sahaja. |
| 2. Memastikan Penjarakan Sosial 1 Meter (*Social Distancing*) | i. Mengambil kira arahan penjarakan antara individu sekurang kurangnya pada jarak 1 meter.<br>ii. Menyediakan pelekat pada tempat duduk bagi tujuan penjarakan sosial.<br>iii. Jika pada tempat duduk berdua atau bertiga, maka hanya satu tempat duduk dibenarkan. |
| 3. Pembersihan nyahkuman dan sanitasi | i. Pembersihan nyahkuman dan sanitasi kereta sewa selepas setiap perjalanan dan setelah tamat waktu operasi. |
| 4. Menggalakkan penggunaan transaksi elektronik | i. Menggalakkan pembayaran tambang secara *online* atau transaksi bukan tunai / tanpa sentuhan. |
| 5. Pemakaian pelitup muka (face mask) | i. Penumpang dan pemandu perlu memakai pelitup muka (face mask) sepanjang masa perjalanan. |
| 6. Penggunaan pembersih tangan (*hand sanitiser)* | i. Menyediakan *hand sanitiser* di dalam kereta sewa. Penumpang perlu menggunakan *hand sanitiser* setiap kali naik dan turun kereta sewa. |

# SEKTOR: PENGANGKUTAN AWAM DARAT (TEKSI)

| Waktu Dibenarkan | 05:00 pagi – 12:00 tengah malam | Waktu Operasi | 06:00 pagi – 11:00 malam | Kapasiti Pekerja | 100 % |
|---|---|---|---|---|---|

## Merangkumi

- Operasi perkhidmatan teksi
- Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

Akta 342
Pekeliling MKN & KKM
Akta Pengangkutan Jalan 1987
Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Perkhidmatan teksi | i. Memastikan hanya dua orang penumpang sahaja dibenarkan dibawa pada satu satu masa.<br>ii. Penumpang hanya dibenarkan duduk di belakang sahaja. |
| 2. Menggalakkan transaksi tanpa sentuhan | Menggalakkan tambang dibayar secara *online* dan bukan tunai. |
| 3. Menggalakkan penggunaan pembersih tangan (*hand sanitiser)* | Pemandu dan penumpang digalakkan menggunakan pembersih tangan (*hand sanitiser)* sebelum dan selepas mengambil / menurunkan penumpang. |
| 4. Pemakaian *face mask*. | Pemandu dan penumpang perlu memakai *face mask.* |

# SEKTOR: PENGANGKUTAN AWAM DARAT (E-HAILING)

| Waktu Dibenarkan | 05:00 pagi – 12:00 tengah malam | Waktu Operasi | 06:00 pagi – 11:00 malam | Kapasiti Pekerja | 100 % |
|---|---|---|---|---|---|

## Merangkumi

- Operasi perkhidmatan e-hailing
- Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

Akta 342
Pekeliling MKN & KKM
Akta Pengangkutan Jalan 1987
Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Perkhidmatan e-hailing | i. Memastikan hanya dua orang penumpang sahaja dibenarkan dibawa pada satu satu masa.<br>ii. Penumpang hanya dibenarkan duduk di belakang sahaja. |
| 2. Menggalakkan transaksi tanpa sentuhan | Menggalakkan tambang dibayar secara *online* dan bukan tunai. |
| 3. Menggalakkan penggunaan pembersih tangan (*hand sanitiser)* | Pemandu dan penumpang digalakkan menggunakan pembersih tangan (*hand sanitiser)* sebelum dan selepas mengambil / menurunkan penumpang. |
| 4. Pemakaian *face mask* | Pemandu dan penumpang perlu memakai *face mask.* |

# SEKTOR: PENGANGKUTAN SUNGAI

| Waktu Dibenarkan | 6:00 pagi – 6:00 petang | Waktu Operasi | 6:00 pagi – 6:00 petang | Kapasiti Pekerja | 100% |
|---|---|---|---|---|---|

## Merangkumi

Operasi **Bot Penumpang**
(Ekspress Bot & Bot Laju)

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

- Akta 342
- Pekeliling MKN & KKM
- Sarawak Rivers Ordinance 1993
- Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sarawak)

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Nyahkuman di seluruh ruang dalam bot | • Melaksanakan proses nyahkuman setiap kali tamat beroperasi pada hari tersebut dan ruangan bot hendaklah dikunci.<br>• Proses nyahkuman akan dilakukan di semua ruangan tempat duduk penumpang dan *hand railing* di dalam kabin pada setiap kali sebelum memulakan suatu pelayaran/trip. |
| Pemeriksaan suhu badan dan pemakaian *face mask* | • Menggunakan *hand thermometer* untuk memeriksa suhu badan juragan, krew bot dan penumpang sebelum memasuki kabin penumpang.<br>• Mewajibkan pemakaian *face mask* oleh semua individu yang memasuki bot.<br>• Dilarang membawa haiwan peliharaan atau binatang di dalam bot. |
| *Boarding* dan *disembarking* penumpang | • Pelepasan penumpang adalah secara terkawal dan teratur.<br>• Penandaan garisan bagi penjarakan sosial<br>• Penguatkuasaan penjarakan 1 meter di antara penumpang.<br>• Pemakaian *face mask* oleh staf, Juragan, krew bot dan semua penumpang. |
| Aturan tempat duduk dalam kabin penumpang | • Penjarakan sosial dengan pengosongan tempat duduk di antara penumpang.<br>• Dilarang makan dan minum di dalam bot. |
| *Lavatory Service* | • Pembersihan tandas adalah wajib pada setiap kali tiba di terminal.<br>• Pastikan penyediaan sabun anti kuman di dalam tandas. |

# SEKTOR: PENGANGKUTAN SUNGAI

| Waktu Dibenarkan | 6:00 pagi – 6:00 petang | Waktu Operasi | 6:00 pagi – 6:00 petang | Kapasiti Pekerja | 100% |
|---|---|---|---|---|---|

## Merangkumi

Operasi **Perahu Penambang**

## Aktiviti Tidak Dibenarkan

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

- Akta 342
- Pekeliling MKN & KKM
- Sarawak Rivers Ordinance 1993
- Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 (Sarawak)

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Nyahkuman seluruh Jeti/*Pontoon* | • Melaksanakan proses nyahkuman 2 kali dalam sehari iaitu setiap pagi sebelum bot penambang beroperasi dan pada sebelah petang.<br>• Proses nyahkuman akan dilakukan di semua ruangan tempat duduk penumpang dan *hand railing* jika berkenaan. |
| Pemeriksaan suhu badan dan pemakaian *face mask* | • Menggunakan *hand thermometer* untuk memeriksa suhu badan operator dan penumpang sebelum memasuki perahu penambang.<br>• Mewajibkan pemakaian *face mask* kepada semua individu yang menaiki perahu penambang. |
| *Boarding* dan *disembarking* penumpang | • Penandaan garisan bagi penjarakan social.<br>• Pelepasan penumpang adalah secara terkawal dan teratur.<br>• Penguatkuasaan penjarakan 1 meter di antara penumpang.<br>• Pemakaian *face mask* oleh operator dan semua penumpang.<br>• Pastikan semua penumpang hendaklah keluar terlebih dahulu sebelum membenarkan penumpang baru untuk masuk. |
| Aturan tempat duduk dalam perahu penambang | • Penjarakan sosial dengan pengosongan tempat duduk di antara penumpang.<br>• Dilarang makan dan minum.<br>• Dilarang membawa haiwan peliharaan di dalam perahu penambang. |